

UniKL MSI reka produk komersial

Oleh AZELI ALI
 azeli.ali@utusan.com

UNIVERSITI Kuala Lumpur Malaysian Spanish Institute (UniKL MSI) bukan sahaja melahirkan penuntut yang akan keluar dengan keputusan cemerlang apabila tamat pengajian malah menghasilkan produk yang mampu diketengahkan dalam kalangan masyarakat.

Melalui pelbagai pertandingan reka cipta di dalam dan luar negara, ia menjadi penanda aras kepada pensyarah mahukan penuntut untuk mencipta produk yang boleh dikomersialkan dan seterusnya membawa pulangan kepada UniKL MSI sendiri.

Antara ciptaan yang berjaya membuahkan kejayaan di peringkat antarabangsa adalah Fuslimo atau alat memindahkan perabot yang memenangi Anugerah Pereka Cipta Dunia 2014 dalam Festival Anugerah Pereka Cipta Dunia anjuran Korea Invention News dalam kategori Invention for Women Order Merit.

Produk ciptaan Pensyarah Kanan Jabatan Pembuatan UniKL MSI, Mohd. Riduan Ibrahim itu membantu suri rumah terutamanya untuk memindahkan perabot yang berat di rumah.

Ini kerana kebanyakan perabot memerlukan tenaga lebih seorang untuk mengalihkannya namun dengan produk ini, wanita hanya perlu meletakkan Fuslimo di penjurong perabot dan menolaknya kerana ia memiliki roda yang membantu ia bergerak.

Ciptaan yang dihasilkan bersama dengan Mohd. Nurhidayat Zahmelem itu turut memenangi Anugerah Inovasi Mara 2013 dalam kategori Teknikal.

"Idea untuk menghasilkan produk ini timbul apabila melihat kesukaran yang dialami oleh wanita khususnya untuk mengalihkan perabot yang berat di rumah atau pejabat.

"Sejak 2012, saya dan Mohd. Nurhidayat membuat kajian dan hasilnya berjaya meraih beberapa anugerah di peringkat tempatan dan antarabangsa," kata Mohd. Riduan kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Tambahnya, Fuslimo telah dipatenkan dan dijangka



akan dikomersialkan pada tahun 2016 selepas membuat kerjasama dengan sebuah syarikat luar.

Selain Fuslimo, produk lain yang mendapat anugerah adalah Alat Mengalihkan Piston Brek (BPR) yang memenangi pingat emas pada Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa ke-26 (Itex) pada Mei lalu.

BPR berfungsi membantu mekanik dan orang awam untuk mengeluarkan piston brek terlekat kekal dan hanya boleh dialihkan menggunakan bantuan tekanan udara.

Namun proses itu agak merbahaya sekiranya dilakukan oleh mereka yang kurang arif serta sukar

dilakukan di luar bengkel kereta kerana memerlukan kuasa angin.

"Dengan menggunakan BPR, kecederaan ketika mengeluarkan piston brek dapat dielakkan dan mampu membantu penjimatan kos di bengkel serta kepada pemilik kenderaan.

"BPR direka sejak tahun 2014 dan selepas melalui pelbagai ujian barulah kami bersedia untuk membawa produk ini ke pertandingan reka cipta," ujarnya.

Selain Itex, BPR juga mendapat pingat perak pada Ekspo Teknikal Malaysia anjuran Persatuan Sainstis Penyelidikan Malaysia pada 12 hingga 14 Februari lalu di Kuala Lumpur.

UniKL MSI turut bekerjasama dengan Balai Bomba dan Penyelamat

Kulim Hi-Tech untuk menghasilkan satu produk yang membantu pihak bomba ketika-

ka proses menggulung hos dan pada masa sama, mampu mengeluarkan air yang masih terdapat di dalam hos tersebut.

Pada masa ini pihak bomba hanya mengeluarkan air secara manual dengan memijak hos sebelum menggulungnya selepas sesuatu operasi yang amat memenatkan dan tidak berupaya mengeluarkan air sepenuhnya.

"Fire Hose Winding Device berjaya merangkul pingat emas dan Anugerah Terbaik Kelas F dalam Pameran Inovasi dan Reka Cipta Kejuruteraan Antarabangsa (I Envex 2015) pada 17 hingga 19 April lalu anjuran Universiti Malaysia Perlis.


"Projek ini mendapat kerjasama Balai Bomba dan Penyelamat Kulim Hi-Tech dan akan diserahkan secara rasmi kepada pihak terbabit dalam masa terdekat," katanya.

Lebih membanggakan, Mohd. Riduan juga menerima Anugerah Pendidik Cemerlang Kebangsaan dalam kategori Pendidikan Pembuatan - Universiti sempena Hari Guru 2015 yang dianjurkan Koperasi Pendidikan Swasta Malaysia Berhad di Cyberjaya.



Fuslimo telah dipatenkan dan dijangka akan dikomersialkan pada tahun 2016 selepas membuat kerjasama dengan sebuah syarikat luar."

MOHD. RIDUAN IBRAHIM
 Pensyarah Kanan Jabatan
 Pembuatan UniKL MSI



FUSLIMO iaitu alat memindahkan perabot telah berjaya memenangi Anugerah Pereka Cipta Dunia 2014.



ALAT Mengalihkan Piston Brek (BPR) yang dicipta UniKL MSI berjaya memenangi pingat emas di Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa ke-26 (Itex) pada Mei lalu.